

Ketidaksantunan Bahasa dalam Blog Politik di Malaysia

Azizul bin Haji Ismail^{1*} dan Vijayaletchumy Subramaniam²

¹Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur

²Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia

ABSTRAK

Makalah ini memfokuskan ketidaksantunan bahasa Melayu dalam blog politik di Malaysia yang bertujuan untuk mengkategorikan perkataan yang tidak santun dalam blog politik, berpandukan pendekatan Jay, 2000 dan Pinker, 2008b. Penyelidikan ini menggunakan kaedah kajian kepustakaan, soal selidik, dan pemerhatian. Dokumen yang digunakan dalam kajian ini ialah analisis teks yang dipindahkan daripada blog politik. Penyelidik telah memilih 10 blog politik di Malaysia yang terdiri daripada 5 blog politik yang menyokong pihak kerajaan, dan 5 blog politik yang menyokong pihak pembangkang. Penyelidikan ini amat penting kepada penulis dan pengikut blog politik, pengkaji bahasa serta masyarakat umum supaya hasil penulisan blog politik menepati ciri kesantunan berbahasa yang merupakan tonggak kepada pembentukan sebuah negara bangsa. Dapatan kajian menunjukkan, terdapat 94 perkataan tidak santun yang dibahagikan kepada tujuh kategori, iaitu gelaran kepada individu dan institusi, penyamaan manusia dengan haiwan atau makhluk, anggota badan, sifat dan kelakuan, penyamaan manusia dengan objek, dan keagamaan dan perkauman dengan 550 kekerapan secara keseluruhannya dalam blog politik yang dikaji.

Kata kunci : kesantunan, bahasa Melayu, blog politik, kategori perkataan, kerajaan, pembangkang

Impolite of the Malay Language in Malaysia's Political Blogs

ABSTRACT

The article focuses on the etiquette of the Malay language in Malaysia's political blogs. The aims of the study is to identify and categorize words that are impolite in the political blogs, based on meaning approach (Jay, 2000; Pinker, 2008). Literary study methods, questionnaires, as well as observations were conducted to gather data for the study. Documents used in this study are the analyses of texts transferred from political blogs. The researcher selected 10 political blogs in Malaysia and these comprised five (5) political blogs that supported the government

INFO MAKALAH

Pewasitan Makalah:

Dihantar: -

Diterima: -

E-mel:

azizul_i@dbp.gov.my (Azizul bin Haji Ismail)

letchumy1617@gmail.com (Vijayaletchumy Subramaniam)

* Penulis penghubung

and five (5) the political blogs that supported the opposition. This research is of significance to writers and followers of political blogs, linguists and the general public because it can lend insights to language etiquette in political blogs while being sensitive to the characteristics of language etiquette fundamental to the formation of a nation state. The findings show that there are 94 non-polite words divided into seven categories namely the title of the individual and the institution, the equality of man with the animal or the beings, the limbs, the nature and the behavior, the equality of man with object, and religious and racist with 550 frequency as a whole in the blog studied politics. words that are not politics.

Keywords : Politeness, Malay language, political blogs, categorize words, government, opposition

LATAR BELAKANG

Menurut Awang Sariyan (2007:1), kesantunan bahasa, secara umumnya merujuk kepada penggunaan bahasa yang baik, sopan, beradab, memancarkan keperibadian mulia dan menunjukkan penghormatan kepada pihak yang menjadi teman bicaranya. Kesantunan bahasa juga menjadi salah satu ciri penting bangsa yang bertamadun di dunia ini. Hal ini disebabkan jika kita meminta bangsa lain menghormati bangsa kita, sewajarnya bangsa kita perlu menghormati bangsa lain terlebih dahulu, dan sentiasa berbudi bahasa dalam lingkungan bangsa kita sendiri. Hal ini bertepatan dengan ungkapan “Mulia Bangsa kerana Bahasa” dan “Bahasa Menunjukkan Bangsa”.

Namun, untuk membicarakan aspek kesantunan bahasa kita perlu melihatnya dari segi holistik, iaitu secara menyeluruh aspek kehidupan manusia itu sendiri. Hal ini disebabkan jika kita membincangkan elemen kehidupan manusia, kita perlu menyentuh elemen agama, iaitu berkaitan hubungan manusia dengan Tuhan yang mempunyai hubungan kerohanian dalam kehidupan manusia. Selain itu, hakikat sesuatu bangsa itu mempunyai akar jati diri yang menjadi pegangan sejak turun temurun daripada generasi kepada generasi lain untuk membentuk tamadun bangsa. Dalam kehidupan manusia moden kini, kita tidak boleh memisahkan mereka dengan hakikat hidup bernegara dan bersosialisasi dengan manusia lain yang menduduki sesebuah negara. Akhir sekali, aspek psikologi manusia yang menyebabkan seseorang manusia itu unik dan berbeza antara satu sama lain perlu juga diberikan penekanan dalam membicarakan hal berkaitan kesantunan berbahasa. Oleh yang demikian, penyelidik akan membincangkan aspek ketidaksantunan bahasa secara meluas dan holistik dengan melibatkan keempat-empat aspek di atas secara mendalam.

Kesantunan Bahasa Teras Insan Beragama

Hakikat kemanusiaan itu sendiri yang dijadikan oleh Maha Pencipta terdiri daripada pelbagai bangsa agar mereka saling berinteraksi dan saling mengenali antara satu sama lain untuk memakmurkan dunia ini. Maka pelbagai bangsa yang dicipta itu juga telah dianugerahi dengan bahasa sendiri oleh Tuhan agar pelbagai ranah komunikasi sesuatu bangsa dapat dilaksanakan dalam kalangan bangsa tersebut. Namun, Tuhan telah menyarankan agar fitrah bahasa yang telah dianugerahkan kepada bangsa tersebut digunakan dengan penuh kejujuran, lemah-lembut dan bersopan-santun serta tidak menggelar seseorang dengan

panggilan yang menghina untuk menghormati status dan hakikat manusia dan kemanusiaan itu sendiri. Dalam al-Quran jelas terdapat ayat yang membincangkan hukum dan keburukan berkaitan bahasa yang digunakan dalam komunikasi manusia seperti dalam hal yang berkaitan *ghibah* (membicarakan aib orang lain), adu domba, mengumpat, memaki, mencela, menyebarkan khabar bohong, menghina, dan bergurau yang berlebihan.

“... berbuat baiklah kepada ibu bapa, kaum kerabat, anak yatim, dan orang miskin serta ucapkanlah kata-kata yang baik kepada manusia...” (Surah al-Baqarah 2:83)

“... Hendaklah mereka mengucapkan perkataan yang lebih baik (benar). Sesungguhnya syaitan itu menimbulkan perselisihan dalam kalangan manusia. Sesungguhnya syaitan itu ialah musuh yang nyata bagi manusia.” (Surah al-Isra’ 17:53)

Kesantunan Bahasa Teras Tamadun Bangsa (Sejarah Bangsa)

Dalam kehidupan masyarakat Melayu tradisional, hal berkaitan kesantunan berbahasa amat dititikberatkan. Malahan kesantunan bahasa dan adab sopan merupakan hal yang amat penting dalam pandangan sarwajagat masyarakat Melayu sejak zaman dahulu hingga kini. Hal tersebut dibuktikan apabila telah terdapat ribuan karya persuratan Melayu yang telah menggambarkan ketinggian budi pekerti bangsa Melayu yang terdiri daripada hikayat, syair, pantun, gurindam, peribahasa, bidalan, seloka dalam pelbagai ranah dalam kehidupan masyarakat Melayu dahulu. Penyelidik beranggapan bahawa orang Melayu itu lebih bijak menikam manusia dengan kata-kata, berbanding dengan tikaman senjata, seperti maksud yang terungkap dalam peribahasa *Pisau senjata tiada bisa, bisa lagi mulut manusia*.

Dalam *Hikayat Hang Tuah* (2008:349) terdapat dialog yang penuh santun dan terdapat unsur kebergantungan pengharapan antara sultan dengan pahlawan negara untuk menghadapi malapetaka yang sedang berlaku pada masa tersebut akibat amukan Hang Jebat.

“Setelah sudah maka Laksamana pun menyembah, “Daulat tuanku.” Maka titah raja, “Ya kekasihku, bahawa aku terlalu amat beroleh malu. Adapun sekarang siapatah lain daripada kekasihku yang menghapuskan arang pada muka ini?” Maka sembah Laksamana, “Daulat Tuanku”, seraya berpaling menyembah bendahara, katanya, “Sahaya pohonkan keris panjang sahaya datuk.”

Manakala, selepas Laksamana Hang Tuah menikam Hang Jebat yang hampir meninggal dunia terdapat dialog yang penuh santun antara dua sahabat yang akan berpisah disebabkan pertentangan pegangan fahaman dan tindakan masing-masing. Walaupun selepas bertarung dengan hebat masih terdapat unsur kesantunan atas nama persahabatan dalam perbualan mereka pada akhir hayat Hang Jebat (*Hikayat Hang Tuah*, 2008:367).

“Maka kata Laksamana Hang Tuah pada Hang Jebat, “Hai saudaraku, maukah saudaraku makan nasi barang sesuap? Maka sahut Hang Jebat, “Mohon

diperhamba, tetapi yang kasih orang kaya itu tiadalah terbalasnya oleh diperhamba, melainkan Allah Taala jua membalas dia. Jikalau ada kasih akan diperhamba, ada suatu pesan diperhamba.”.....

Kesantunan Bahasa dalam Kehidupan Bernegara (Hidup Harmoni)

Dalam konteks pembinaan negara bangsa elemen bahasa amat penting dalam entiti kenegaraan sesebuah negara. Selepas mencapai kemerdekaan daripada penjajah, maka negara yang baru bebas daripada cengkaman penjajah cuba membentuk jati diri sendiri untuk membentuk identiti negara tersebut. Hal ini amat penting untuk memastikan bahawa negara tersebut tidak mahu dilihat sebagai negara yang lemah kerana masih menjadi mangsa imperialisme bahasa penjajah, walaupun telah mencapai kemerdekaan dari segi politik dan pentadbiran negara. Oleh demikian, elemen kesantunan berbahasa dan budi bahasa telah diangkat menjadi teras kepada rakyat negara Malaysia dalam melahirkan masyarakat bermaruah dan bersikap penyayang dalam kehidupan bernegara.

Perdana Menteri Malaysia pada masa ini, iaitu YAB Dato' Seri Najib Tun Abdul Razak yang mempopularkan gagasan **1 Malaysia: Rakyat Didahulukan Pencapaian Diutamakan** telah memberikan penekanan kepada empat nilai utama untuk mencapai kemajuan dan perpaduan rakyat Malaysia melalui gagasan tersebut. Nilai tersebut ialah Kesederhanaan, Rendah Hati (Tawaduk), **Berbudi Bahasa**, dan Hormat-menghormati. Melalui nilai berbudi bahasa, rakyat Malaysia diminta sentiasa mengamalkan sifat berbudi bahasa dengan sesiapa sekalipun dengan tidak mengira status, kaum, dan agama. Setiap tutur kata harus dijaga, tingkah laku harus tertib dan sentiasa bersopan santun ketika berkomunikasi dalam kalangan rakyat. Selain itu, nilai rendah hati juga perlu dipraktikkan dalam diri rakyat Malaysia. Sifat sedia mendengar, tidak sombong, tidak ego serta tidak bongkak perlu diterapkan dalam diri kerana orang Melayu sejak zaman dahulu sangat menghargai orang yang merendah diri dan tidak berlagak sombong ketika berkomunikasi antara satu sama lain. Tambahan pula sifat kesederhanaan dan hormat-menghormati dalam nilai gagasan tersebut diharapkan dapat menjadi “sempadan” kepada tindakan menguruskan perbezaan pendapat, ideologi, persepsi, dan pegangan agama dengan tidak melakukan perbuatan “melampau” sama ada melalui penghinaan, caci-maki, fitnah-memfitnah, atau adu domba dengan pelbagai wahana kepada pemimpin dan rakyat atas dasar perbezaan tersebut.

Kesantunan Bahasa bagi Hakikat Keinsanan (Psikologi)

Persepsi pihak kolonial terhadap psikologi dan tindakan orang Melayu telah dizahirkan dalam buku *Introducing the Eastern Dependencies* (1949) (Abdul Rahman Embong, 2014). Buku ini mengisahkan watak manusia yang duduk di bawah naungan British, termasuklah Singapura, Hong Kong, dan Persekutuan Tanah Melayu. Menurut buku tersebut, orang Melayu dikenali sebagai *Nature's Gentlemen*, iaitu “Mereka punyai harga diri, kebanggaan, sifat kejenakaan yang tajam dan mereka pantang kalau dicemuh”. Orang Melayu juga mempunyai sikap baik hati, suka berkenalan dan berkawan, suka kedamaian dan lemah lembut itu dibayangkan seperti yang berikut :

*Saudara jumpa sahaja satu kumpulan orang Melayu, bercakap dengan mereka, saudara akan terpegun dan terpaku dengan **kelakuannya yang tinggi dan halus, dan dengan tertibnya**. Bila orang lain bersorak dan berteriak, orang Melayu cuma berdiam dengan tenang. Biasanya dengan orang yang belum dikenali, mereka agak reserve sedikit, tapi mereka dapat berbaik-baik dengan mudah dengan orang asing kerana mereka tidak punya perasaan rendah diri daripada orang lain. Suka akan kedamaian dan peraturan, mereka boleh tergelak dengan senang, suka akan tolak ansur dan kebijaksanaan untuk mengelakkan pertengkaran dan suka benar pada jalan tengah.” (Asbdul Rahman Embong, 2014 :16)*

Daripada pandangan pihak pengkaji Barat tersebut, jelas membuktikan orang Melayu mempunyai nilai keperibadian dan hati budi yang tinggi sejak zaman dahulu. Masyarakat Melayu begitu menekankan kesantunan berbahasa dalam komunikasi untuk mengelakkan berlakunya konflik berpanjangan antara pihak tertentu yang boleh membawa kepada permusuhan dan pergaduhan dalam masyarakat.

PERNYATAAN MASALAH

Pada masa ini, kata makian, cacian, lucah dan menghina sesama manusia semakin kerap digunakan sehingga ke tahap yang amat membimbangkan dalam media sosial, khususnya blog politik dalam negara. Kata-kata seperti “*barua*”, “*haram jadah*”, “*macai*”, “*balaci*”, “*pegi mampos*”, “*kepala bapak*”, “*jebon*” (*kiasan bagi seseorang yang buas, nakal, dan hodoh*) dan kata kesat tersebut berleluasa digunakan dalam blog politik. Sehingga ini, banyak kajian dilaksanakan tentang bahasa, khususnya kesantunan berbahasa dalam pelbagai ranah kehidupan masyarakat serta dalam pelbagai bidang. Antaranya Radiah Yusoff (2012) telah mengkaji kata makian yang digunakan oleh para pengguna Internet di Malaysia dengan tajuk *Pegi Mampos La Bodoh. Satu Tinjauan terhadap Ungkapan Makian dan Ke (tidak) Santunan dalam Interaksi Internet*.

Selain itu, Zaitul Azma Zainon Hamzah, Ahmad Fuad Mat Hassan dan Mohd Nur Hafizudin Md Adama (2011) telah melaksanakan kajian bertajuk ***Kesantunan Bahasa dalam Kalangan Remaja Sekolah Menengah***. Namun, belum terdapat lagi senarai perkataan tidak santun dan kategori perkataan tidak santun dalam blog politik Malaysia untuk digunakan sebagai rujukan dan panduan kepada masyarakat, terutamanya kepada pelajar yang disediakan oleh penyelidik bahasa Melayu. Permasalahan ini telah bertepatan dengan persoalan kajian pertama penyelidik. Oleh itu, kajian ini bertujuan mengisi kelompangan kepada penyelidik untuk mengenal pasti senarai ungkapan tidak santun dan mengkategorikan perkataan tersebut dalam blog politik di Malaysia.

SOROTAN KAJIAN

Rabayah Tahir dan Zaitul Azma Zainon Hamzah (2015) telah melaksanakan kajian yang menumpukan kesantunan berbahasa dalam kalangan kanak-kanak Melayu. Budi bahasa dan kesantunan berbahasa merupakan elemen yang perlu dipupuk kepada seseorang individu sejak kanak-kanak, sesuai dengan peribahasa “*Jika hendak melentur buluh*

biarlah daripada rebungnya". Justeru, kajian ini memberikan penumpuan dengan mengkaji perilaku kesantunan berbahasa dalam kalangan kanak-kanak Melayu yang merupakan bakal penyambung legasi pemerintahan negara ini. Penyelidikan ini bertujuan untuk mengkaji kesantunan berbahasa dalam kalangan kanak-kanak Melayu, dan secara khusus bermatlamat untuk mengenal pasti dan menganalisis penggunaan penanda santun dalam perbualan kanak-kanak Melayu. Kajian ini melibatkan 20 orang kanak-kanak Melayu berumur enam tahun, dengan lima orang kanak-kanak bagi setiap sekolah di Tadika Iman Taman Manis, Tadika Agama Johor Sekolah Bandar Batu Pahat, Tadika Oren Parit Sulong dan Prasekolah SK Parit Bilal. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kanak-kanak tersebut menggunakan penanda santun "*boleh*" (31), "*tolong*" (12) dan "*terima kasih*" (6) dalam perbualan mereka sama ada dengan penyelidik ataupun rakan mereka.

Perincian dapatan menunjukkan bahawa penggunaan penanda santun "*boleh*" lebih kerap digunakan oleh kanak-kanak apabila mereka berinteraksi dengan penyelidik, iaitu 77.4% berbanding dengan rakan sebaya mereka, iaitu 22.6%. Dapatan ini menunjukkan bahawa subjek lebih mematuhi prinsip skala jarak sosial dalam perbualan, yakni manusia akan sentiasa lebih menjaga tatasusila dan kesantunan ketika berbicara dengan pihak yang baru dikenali serta mempunyai status sosial yang lebih tinggi daripada seseorang individu berbanding dengan rakan sebaya yang begitu dikenali. Selain itu, subjek kajian juga agak sederhana dalam penggunaan ungkapan "*tolong*" untuk melembutkan arahan ataupun permintaan dalam proses komunikasi seperti "*tolong gariskan*" dan "*tolong ambikan*" kepada penyelidik ataupun dengan kawan-kawan. Sebanyak 41.6% ungkapan "*tolong*" digunakan kepada penyelidik dan 48.4% ungkapan tersebut digunakan ketika berinteraksi dengan rakan. Di samping itu, dapatan juga menunjukkan bahawa kanak-kanak tidak dapat mengoptimalkan penggunaan ungkapan "*terima kasih*" dalam komunikasi mereka. Hal ini disebabkan, kanak-kanak telah diajar oleh ibu bapa hanya mengungkapkan ucapan "*terima kasih*" apabila menerima sesuatu barang atau pertolongan daripada orang lain. Namun, hakikatnya ungkapan "*terima kasih*" boleh digunakan sebagai penerimaan dan penolakan pelawaan, serta penanda pengakhiran sesuatu situasi perbualan antara individu. Kanak-kanak hanya boleh mempelbagaikan penggunaan ungkapan "*terima kasih*" apabila mereka melalui pembelajaran formal pada peringkat yang lebih tinggi ataupun selepas mereka melalui peristiwa bahasa yang lebih luas, khususnya yang melibatkan pelbagai wacana yang dilalui oleh mereka seperti temu duga, mesyuarat dan penyampaian ucapan. Oleh yang demikian, penggunaan ungkapan "*terima kasih*" hanya wujud dalam satu situasi ketika berlaku interaksi antara subjek dengan penyelidik ketika berkomunikasi. Penyelidikan ini telah membuktikan bahawa kanak-kanak perlu diberikan penerapan nilai kesantunan berbahasa daripada rumah lagi dan diberi pengukuhan oleh para guru di sekolah. Ibu bapa dan guru perlu memberikan pengukuhan nilai kesantunan berbahasa daripada peringkat umur awal kanak-kanak agar sikap tersebut tidak luntur apabila mereka meningkat pada usia remaja dan dewasa kelak.

Kuang Ching Hei, Maya Khemlani David, dan Lau Su Kia (2013) pula telah melaksanakan penyelidikan yang melibatkan peristiwa bahasa yang berlaku antara pelawat di hospital dengan petugas di kaunter hospital. Dalam sebuah masyarakat majmuk yang tinggal di sesebuah negara pasti terdapat perbezaan berkaitan budaya, bahasa dan norma

pelakuan yang dibawa dalam kehidupan mereka. Namun hakikatnya, terdapat beberapa norma tradisi yang dianggap “bersama” oleh masyarakat yang berbilang kaum tersebut. Contohnya, menghormati pihak yang mempunyai autoriti dan pihak yang lebih tua daripada kita.

Kajian ini bertujuan untuk memberikan maklumat yang tepat kepada masyarakat tentang sikap negatif staf yang dikemukakan melalui maklumat ketidakpuasan pelanggan. Aduan tentang hal ini dalam laman web rasmi hospital dan perkhidmatan kesihatan melalui *Aduan Rakyat (e-complaint)* yang menunjukkan peningkatan ketidaksantunan berbahasa dalam kalangan staf di sektor industri dan di sektor perkhidmatan. Kajian ini dilaksanakan di sembilan buah hospital swasta di semenanjung Malaysia, iaitu satu hospital di utara, satu hospital di selatan, satu hospital di pantai timur, dan enam hospital di pantai barat semenanjung Malaysia. Kajian ini dilaksanakan melalui teknik pemerhatian dengan merakam perbualan rasmi antara pesakit dengan staf. Malahan pemerhatian juga dilakukan terhadap komunikasi nonverbal antara staf dengan pesakit. Fokus kajian ini adalah terhadap cara staf “membuka” dan “menutup” perbualan mereka dengan pesakit.

Kesimpulan kajian ini menyatakan bahawa semasa permulaan perbualan antara staf hospital swasta dengan pesakit, terutamanya ketika menyapa pesakit tidak menunjukkan jangkaan yang baik bagi industri di sektor perkhidmatan. Fenomena ini didapati terutamanya dalam kalangan staf di kaunter pertanyaan, menunjukkan tanggapan kurang baik terhadap pelanggan luar negara dalam usaha negara kita mempromosikan dan memajukan sektor pelancongan kesihatan. Melalui perbandingan dengan sektor lain seperti sektor perhotelan dan pusat membeli belah menunjukkan tahap profesionalisme yang agak rendah bagi hospital swasta berbanding dengan sektor perkhidmatan lain. Selain itu, terdapat juga panggilan tidak rasmi digunakan kepada pesakit oleh staf hospital swasta, contohnya “kak”, dan penggunaan dialek seperti “*pernah mai*” dan “*tunggu sat*” dalam perbualan antara staf hospital swasta dengan pesakit. Penyelidikan ini memberikan kesedaran kepada pihak yang terlibat di sektor perkhidmatan, khususnya di kaunter bahawa mereka perlu menunjukkan tahap kesantunan bahasa yang tinggi dan menggunakan bahasa standard, iaitu tidak menggunakan dialek dalam situasi rasmi. Hal ini amat penting disebabkan citra organisasi jelas terpapar kepada masyarakat melalui lakuan bahasa di lokasi tersebut.

Radiah Yusoff (2012) telah mengkaji kata makian yang digunakan oleh para pengguna Internet di Malaysia. Kajian ini dilaksanakan untuk meninjau satu bentuk bahasa tidak senonoh, iaitu ungkapan makian, dalam laman sosial yang sering dilawati oleh rakyat Malaysia yang boleh digunakan untuk komunikasi bertulis dalam tempoh masa tertentu, terutamanya yang menggunakan bahasa Melayu secara dominan, seperti *Facebook*, *You Tube*, *blog* yang dihoskan oleh *Blogger* dan *Wordpress*, serta forum. Penyelidikan ini telah mengkaji fenomena penggunaan bahasa tidak senonoh oleh manusia, dari sudut kewujudan, alasan, fungsi, pemikiran dan perasaan, nilai dan kepercayaan, dan sebagainya. Kajian ini dilaksanakan dengan mencari data untuk ungkapan maki hamun dengan menggunakan enjin carian *Google* dan ruang carian *YouTube* yang melibatkan artis dan selebriti Malaysia dengan memasukkan pelbagai ungkapan makian yang pernah didedahkan kepada penyelidik sebagai kata carian, seperti “*celaka*”, “*babi*”, “*setan*”, dan “*bodoh*”. Kata makian termasuk kata tersebut telah disenaraikan dalam laman Pusat Rujukan Persuratan

Melayu (PRPM) apabila ungkapan itu dimasukkan dalam kotak “cari”, dan diberikan maklumat seperti “bk perkataan yang sangat kasar pengertiannya (digunakan sewaktu memaki)”(2008-2010). Dengan cara demikian penyelidik mengetahui bahawa ungkapan seperti ini digolongkan dalam bahasa kasar dan digunakan ketika seseorang itu memaki seseorang atau sesuatu. Pada masa yang sama, penyelidik telah menegaskan bahawa ungkapan seperti ini tidak dapat diterima oleh sesetengah masyarakat.

Penyelidik telah memilih beberapa data dalam soal selidik antara penulis dengan responden yang dikendalikan melalui e-mel dan *Facebook*. Penyelidik menggunakan data yang terdapat di internet sebagai korpus. Maklum balas diterima daripada pengguna e-mel dan *Facebook* sebagai responden kajian untuk menggelakkan kebiasaan unsur intuisi yang boleh mempengaruhi penilaian penyelidik dan untuk saling melengkapi pengetahuan sedia ada penyelidik. Dapatan menunjukkan bahawa perkataan yang digunakan untuk membentuk ungkapan makian yang ditemukan dalam laman yang menggunakan bahasa Melayu secara dominan di *Facebook*, *YouTube*, dan blog *Blogger* dan *Wordpress*, serta forum, boleh dibahagikan kepada beberapa kumpulan makna (Jay,2000; Pinker,2008). Kumpulan makna dan contoh perkataan dapat dilihat di bawah ini:

- i. binatang : babi, lembu, keldai/kaldai, anjing, monyet, binatang/natang
- ii. anggota sulit manusia
- iii. anggota lain badan manusia : kepala otak/hotak
- iv. hasil badan : tahi
- v. sifatan : celaka, bangsat, bodoh, tolol, bangang, bacul
- vi. manusia : sundal, makhluk laknat
- vii. barangan : mangkuk (ayun/hayun)
- viii.keagamaan : kafir (laknat/lakhnat), neraka, jahanam, haram jadah, setan, jahil
- ix. perbuatan : mampus/mampos, mati

Kajian ini juga mendapati bahawa ungkapan makian bertujuan untuk menyakiti hati orang lain dan sebagai satu mekanisme defensif oleh penggunaanya, iaitu bahasa yang digunakan itu sangat menyakitkan telinga orang yang mendengarnya, terutamanya orang yang dimarahi. Selain itu, responden juga memaklumkan bahawa perkataan yang tidak santun juga akan pasti mengguris hati dan perasaan orang yang dituju dan pasti akan memberikan impak yang negatif terhadap emosi pihak berkenaan. Terdapat juga responden yang mengatakan bahawa ungkapan makian juga boleh digunakan sebagai unsur positif, seperti ketika berseloroh, suasana kelucuan yang bertujuan untuk menonjolkan keharmonian sosial. Perkataan tersebut bukan digunakan disebabkan marah tetapi bertujuan untuk mencerikan suasana dan menyebabkan ketawa ketika berada dalam kelompok sosial ketika berlangsung komunikasi. Selain itu, didapati juga kata makian digunakan dalam internet kerana rangkaian tersebut membenarkan kewujudan kerahsiaan dan penipuan identiti. Bahasa kasar juga digunakan disebabkan mereka hanya berani meluahkan kata makian melalui skrin komputer tanpa berhadapan dengan individu yang dimaki. Selain itu, faktor rakan sebaya juga sebagai penyebab kepada penggunaan kata makian dalam komunikasi,

khususnya golongan kanak-kanak dan remaja. Tambahan pula, terdapat juga responden mengatakan bahawa dia melakukan kata makian kerana rakan sebayanya menggunakan perkataan tersebut ketika marah.

Kesimpulan, kajian ini menyatakan bahawa orang Malaysia mempunyai ungkapan makiannya tersendiri. Walaupun ada kelompok masyarakat tidak dapat menerima kata makian dan menyatakan bahawa ungkapan tersebut sebagai keji dan tidak santun, namun hakikatnya kata makian tetap wujud. Pengguna internet perlu menjadikan asas agama dan moral sebagai benteng supaya tidak menggunakan ungkapan makian sewenang-wenangnya kerana pasti ada insan yang terluka disebabkan kata tersebut dan bakal meruntuhkan tamadun bangsa.

METODOLOGI

Kajian ini dilaksanakan dengan menganalisis 10 blog politik yang terdiri daripada lima blog politik yang menyokong pihak kerajaan dan lima blog politik yang menyokong pihak pembangkang. Penyelidikan dilaksanakan melalui kaedah kualitatif dan kuantitatif melalui kajian kepustakaan, pemerhatian, dan borang soal selidik. Penyelidikan ini menggunakan pendekatan Kumpulan Makna Jay, 2000; Pinker, 2008. untuk dijadikan panduan dan perbandingan bagi penyelidik mengemukakan kategori baharu perkataan yang tidak santun dalam blog politik.


Penyelidik menganalisis data melalui entri blog politik yang dipilih secara Pensampelan Mudah (*Convenience Sampling*). Selepas itu, penyelidik memindahkan teks dalam blog tersebut kepada teks biasa yang dipisahkan mengikut perkataan untuk memudahkan proses penganalisan data. Data berbentuk teks kemudiannya dianalisis dengan menggunakan perisian *TL Corpus Tshwanelex* bagi tujuan analisis dengan memindahkan teks kepada setiap bentuk perkataan yang juga memaparkan kekerapan penggunaan kata tersebut dalam keseluruhan teks. Selain itu, penyelidik juga menggunakan kaedah borang soal selidik untuk memberikan justifikasi pemilihan kata oleh pengguna bahasa itu sendiri sebagai perkataan yang santun atau tidak santun dalam blog politik untuk mengkategorikan perkataan yang tidak santun dalam blog politik di Malaysia.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Namun daripada dapatan kajian, penyelidik telah mengemukakan kategori yang lebih khusus bersesuaian dengan bidang politik, terutamanya yang melibatkan individu dan organisasi ataupun institusi yang berperanan sebagai pelaku politik dalam dunia politik dalam negara. Penyelidik telah membahagikan tujuh kategori perkataan tidak santun dalam blog politik. Kategori perkataan tidak santun tersebut ialah : Gelaran Tidak Santun kepada Individu (Pemimpin Politik); Gelaran Tidak Santun kepada Institusi/Organisasi; Penyamaan Manusia dengan Haiwan atau Makhluk yang Tidak Baik; Anggota Badan dan Hasil daripada Badan Manusia; Sifat dan Kelakuan Manusia; Penyamaan Manusia dengan Benda/Objek; dan Keagamaan dan Perkauman.

Jadual 2 : Perkataan tidak santun mengikut kategori.

BIL.	KATEGORI	KEKERAPAN	PERATUSAN (%)
1	Gelaran Tidak Santun kepada Individu (Pemimpin Politik)	15	2.7
2	Gelaran Tidak Santun kepada Institusi/Organisasi	63	11.5
3	Penyamaan Manusia dengan Haiwan atau Makhluk yang Tidak Baik	87	15.9
4	Anggota Badan dan Hasil daripada Badan Manusia	38	6.9
5	Sifat dan Kelakuan Manusia	226	41
6	Penyamaan Manusia dengan Benda/Objek	53	9.7
7	Keagamaan dan Perkauman	68	12.3
JUMLAH		550	100



Rajah 1: Perkataan Tidak Santun mengikut Kategori

Analisis Perkataan Tidak Santun Mengikut Kategori

i. Gelaran Tidak Santun kepada Individu (Pemimpin Politik)

Dapatan kajian membuktikan bahawa terdapat 15 kekerapan ataupun 2.7% penggunaan perkataan tidak santun kepada individu, khususnya pemimpin politik yang melibatkan pemimpin kerajaan serta pemimpin pembangkang oleh penulis dan pihak yang memberikan komen dalam blog politik. Antara gelaran kepada individu tertentu dalam dapatan kajian ialah “*Najis*”, “*al-juburi*”, “*Albontoty*”, dan “*Mahataik*”. Selain itu, terdapat juga gelaran seperti “*Mak Lampir*”, “*Mat Sabun*” “*Mat Mongol*”, “*Mat Sembab*”, “*Si Gagap*”, “*Mat Komedi*”, “*Si Puaka*” “*Idi Amin Malaysia*” dan lain-lain yang sentiasa berlegar dalam dunia politik di Malaysia, khususnya dalam blog politik.

Tindakan ini merupakan perbuatan untuk pembunuhan karakter seseorang individu, khususnya dalam kalangan pemimpin politik. Hal ini disebabkan, sebagai manusia, khususnya para pemimpin mereka mempunyai sifat atau ciri kepemimpinan yang membezakannya dengan insan biasa. Oleh demikian, untuk menjatuhkan dan memusnahkan karisma serta bakat kepemimpinan mereka, maka karakter mereka perlu dimusnahkan terlebih dahulu. Nama baik mereka yang asal ditenggelamkan, sebaliknya nama ataupun gelaran yang tidak baik dan buruk dipopularkan untuk menjatuhkan reputasi mereka sebagai pemimpin besar ataupun bakal menjadi pemimpin hebat pada masa hadapan. Walaupun

tindakan ini bukanlah seperti pembunuhan fizikal, namun hakikatnya gelaran nama yang buruk ini membawa kesan berpanjangan sehinggalah seseorang itu sudah bersara dalam dunia politik, malahan sehingga mangsa pembunuhan karakter tersebut sudah meninggal dunia.

Selain itu, tindakan memanggil individu dengan gelaran yang tidak baik bertentangan dengan ajaran Islam dan budaya Melayu. Islam begitu melarang umatnya menyebut dan menggelarkan perkara yang tidak disukai oleh insan lain tentang kekurangan pada tubuh, nasab keturunan, perbuatannya, agama dan kepercayaan manusia lain. Islam juga mewajibkan pihak yang telah menggelar atau memanggil dengan perkataan yang tidak baik supaya meminta maaf kepada insan tersebut untuk mendapat pengampunan dan keredaan Allah. Hal ini terkandung dalam surah al-Hujurat 49:11 yang bermaksud:

“... Janganlah kamu saling mencela antara satu sama lain dan janganlah saling memanggil dengan gelaran yang buruk-buruk.”

Bagi masyarakat Melayu pula, menjaga nama yang baik di dunia merupakan perkara penting dalam kehidupan seseorang dan keturunan mereka. Malahan kepentingan menjaga nama yang baik sangat penting sehingga mereka meninggal dunia. Hal ini bertepatan dengan peribahasa **“Manusia mati meninggalkan nama, harimau mati meninggalkan belangnya”**, yang bermaksud orang yang baik meninggalkan nama yang baik, orang jahat meninggalkan nama jahat. Selain itu, terdapat juga peribahasa **“Mati badan dikandung tanah, nama beredar ke mana-mana”**, yang bermaksud walaupun badan sudah hancur dalam tanah, nama yang baik dikenang juga sampai bila-bila. Oleh demikian, adalah tidak wajar nama manusia, terutamanya individu yang menjadi pemimpin negara pada masa kini ataupun individu yang pernah menjadi pemimpin di negara ini dipersendakan melalui media sosial, khususnya blog politik. Semestinya nama para pemimpin tersebut perlu dihormati oleh masyarakat walaupun berbeza pandangan politik disebabkan kebanyakan mereka sangat berjasa ataupun pernah berjasa kepada rakyat dan negara.

ii. Gelaran Tidak Santun kepada Institusi/Organisasi

Dapatan analisis juga menunjukkan bahawa terdapat 63 kekerapan ataupun 11.5% gelaran yang tidak santun kepada institusi ataupun organisasi, khususnya yang melibatkan politik. Antara gelaran tidak santun terhadap institusi ataupun organisasi politik ialah **“DAPig”**, **“fuckatan”**, **“Pascai”**, **“Umngok”**, **“Umporno”**, **“TV tiga suku”**, **“Utusex”**, **“Parti Kencing Rakyat (PKR)”**, **“PANDap”** dan lain-lain yang popular dalam blog politik. Tindakan ini merupakan teknik melabel institusi ataupun organisasi tertentu, khususnya parti politik untuk menimbulkan persepsi yang tidak baik kepada masyarakat. Tindakan melabel bermaksud mengecap sesuatu organisasi atau institusi sebagai sesuatu yang buruk dan tidak baik pada mata masyarakat. Selepas tindakan melabel, masyarakat akan membentuk persepsi yakni tanggapan dalam fikiran manusia, dan seterusnya membentuk sistem nilai dan kepercayaan apabila manusia tersebut menerima rangsangan.

Melalui kepercayaan dan pegangan masyarakat terhadap pelabelan sesuatu institusi

seterusnya menentukan tahap sokongan seseorang terhadap sesebuah parti politik. Contohnya, parti UMNO dilabel sebagai “*Umngok*” iaitu ahlinya disifatkan sebagai kelompok yang bodoh, yakni sentiasa tidak mahu berubah serta tidak mengikut perkembangan semasa. Manakala parti PAS dilabel sebagai “*Taliban*” disebabkan parti tersebut dicap oleh golongan yang tidak menyokong parti tersebut bahawa PAS akan memerintah negara secara zalim ala kerajaan Taliban Afganistan. Selain itu, PKR sering mendapat gelaran “*Parti Kencing Rakyat*” disebabkan parti tersebut sering dilabelkan sebagai parti yang suka menipu rakyat dalam isu tertentu dan dianggap sebagai parti yang selalu menabur fitnah terhadap pihak pemerintah. Manakala parti Amanah pula sering digelar sebagai “*PANDap*” disebabkan parti tersebut sebagai proksi DAP untuk menentang PAS yang tidak sealiran dengan parti tersebut. Malahan DAP pula sering dilabel sebagai “*bangsat*”, “*bangkai*”, “*komunis*” disebabkan parti tersebut dianggap sebagai pihak yang sentiasa menggugat *status quo* penguasaan politik negara pada masa ini oleh penyokong parti pemerintah.

Bagi institusi bukan parti politik pula, TV3 dilabel “*TV tiga suku*” iaitu sebagai rangkaian televisyen yang sering memaparkan rancangan, khususnya berita yang tidak betul dan terdapat unsur penipuan serta eksploitasi untuk memburukkan pihak pembangkang. Manakala surat khabar Utusan Malaysia pula dilabel oleh pihak pembangkang sebagai “*Utusex*” disebabkan surat khabar tersebut dituduh sering memaparkan isu yang berkaitan seks, khususnya yang melibatkan kes Dato’ Seri Anwar Ibrahim.

Namun, hakikatnya tindakan melabel ini bertujuan sekadar untuk menimbulkan polemik dan kekacauan semata-mata dalam kalangan rakyat bagi persaingan mendapatkan kuasa dan mempertahankan kuasa oleh parti politik. Tindakan melabel ini sebenarnya merupakan unsur hasutan dan propaganda untuk mempengaruhi minda rakyat. Contohnya, melabel “*Umngok*” yakni semua ahli UMNO bodoh adalah tidak tepat dan tidak wajar disebabkan parti tersebut sebenarnya turut dianggotai dan dipimpin oleh golongan berpendidikan tinggi serta golongan profesional. Hal ini terbukti sehingga pada masa sekarang hasil kebijaksanaan pemerintah negara yang ditunjangi oleh UMNO membolehkan rakyat menikmati kemakmuran dan keamanan dalam negara ini.

Selain itu, tindakan menuduh DAP sebagai parti “*komunis*” juga tidak tepat dan tidak relevan dalam dunia politik di Malaysia pada masa ini. Hal ini disebabkan kita perlu menerima hakikat bahawa setiap parti yang sah bertanding dalam pilihan raya wajib mendukung prinsip utama Perlembagaan Persekutuan yang sudah pasti tidak boleh dipinda sewenang-wenangnya. Selain itu, sesebuah parti mendapat mandat untuk memerintah, sama ada pada peringkat persekutuan ataupun pada peringkat negeri mesti mentadbir dan memerintah dengan mengikut perlembagaan dan undang-undang tubuh kerajaan negeri. Contohnya, seperti di Pulau Pinang yang ditadbir oleh DAP dan PKR selama dua penggal pilihan raya, parti tersebut masih mentadbir negeri tersebut mengikut Perlembagaan Persekutuan dan Undang-undang Tubuh Kerajaan Pulau Pinang walaupun parti tersebut terdiri daripada parti pembangkang.

Selain itu, dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat penggunaan perkataan tidak santun ditujukan kepada sebuah negara berdaulat yang lain. Negara Singapura telah dipanggil “*Singapork*” dalam blog politik oleh pihak tertentu untuk melepaskan kemarahan

mereka kepada pihak tertentu. Tindakan ini amat tidak wajar disebabkan perbuatan tersebut sudah pasti mengundang tindakan balas dengan mempersendakan nama negara kita oleh rakyat negara tersebut pada masa hadapan, jika penghinaan tersebut diteruskan serta digunakan dalam skala yang besar. Sebagai rakyat yang amat cinta akan negara, sudah pasti kita akan berasa sedih dan marah jika nama negara kita dipersendakan sedemikian rupa oleh rakyat asing.

iii. Penyamaan Manusia dengan Haiwan atau Makhluk yang Tidak Baik

Penyelidikan ini juga mendapati bahawa blog politik menyamakan manusia dengan haiwan atau dengan makhluk yang tidak baik dengan 87 kekerapan ataupun 15.9%. Sebagai contoh manusia disamakan dengan haiwan seperti “babi”, “anjing”, “keldai”, “ular”, “beruk”, “katak”, “sotong”, “lembu”, dan lain-lain. Selain itu, manusia juga telah disamakan dengan makhluk yang tidak baik seperti “syaitan”, “hantu”, “iblis”, “puaka”, “kelembai”, “jin”, dan lain lagi.

Tindakan sedemikian boleh dikatakan sebagai tindakan yang tidak bertamadun disebabkan, atas dasar politik, martabat keinsanan telah diletakkan setaraf dengan haiwan dan makhluk yang tidak baik tersebut. Hal ini sangat bertentangan dengan ajaran Islam seperti yang terkandung dalam surah berikut:

surah al-Isra' 17:70 yang bermaksud “Dan sesungguhnya telah kami muliakan anak-anak Adam, Kami angkut mereka di daratan dan di lautan, kami beri mereka rezeki daripada yang baik-baik dan Kami lebihkan mereka dengan kelebihan yang lebih sempurna atas kebanyakan makhluk yang telah Kami ciptakan”.

Dapatan kajian tersebut membuktikan bahawa perkataan “babi” berada pada kedudukan tertinggi dalam konteks penggunaannya perkataan tidak santun dalam penulisan blog politik. Dari segi maksud leksikal, “babi” dilabelkan sebagai bahasa kasar (bk) yang membawa maksud sebagai kata makian ketika marah dan tersangat benci akan seseorang, sesuatu, dan sebagainya (Kamus Dewan, 2015: 99). Hal ini disebabkan babi merupakan binatang yang amat dipandang hina oleh masyarakat Melayu Islam, terutamanya selepas berlakunya proses Islamisasi dalam masyarakat Melayu secara meluas dan mendalam. Hal ini terbukti dalam al-Quran, iaitu:

Surah al-Baqarah 2:173 yang bermaksud “Sesungguhnya Allah hanya mengharamkan bagimu bangkai, darah, daging babi dan binatang yang ketika disembelih disebut nama selain nama Allah”.

Selain itu, dari segi hukum pula “babi” termasuk dalam najis Mughallazah, iaitu najis yang berat selain “anjing” yang menyebabkan segala yang berkaitan haiwan tersebut seperti daging, kotorannya, air liur, peluh dan lain-lain juga tergolong dalam najis yang berat.

Dari segi budaya Melayu “babi” juga digambarkan sebagai sesuatu yang mengaibkan serta hina dalam kehidupan seseorang, khususnya orang Melayu. Hal ini seperti yang

terkandung dalam peribahasa Melayu. Antaranya “*Kepala tersangkut dengan kulit babi*” yang membawa maksud mendapat malu besar. Manakala peribahasa “*Muka bagai ditampal dengan kulit babi*” pula membawa maksud tidak tahu malu. Selain itu, terdapat juga peribahasa “*Mutiara terkalung ke leher babi*” yang membawa maksud mendapat sesuatu yang berharga tetapi tidak tahu akan nilainya; orang mulia yang telah jatuh martabatnya.

Dalam konteks penyelidikan ini, para penulis dan pihak yang memberikan komen dalam blog politik telah mengaitkan perkataan babi dengan orang Cina, terutamanya yang melibatkan parti DAP. Hal ini tidak sewajarnya berlaku disebabkan pihak yang memaki dan mencaci tersebut membuat andaian semata-mata bahawa tidak salah memanggil kaum Cina dengan haiwan tersebut disebabkan kaum Cina suka memakan daging haiwan tersebut, serta haiwan tersebut mempunyai keistimewaan dalam pandangan sarwajagat kehidupan mereka. Tindakan ini amat tidak tepat dalam konteks masyarakat yang bertamadun disebabkan, adalah tidak wajar seseorang individu atau kaum digelar berdasarkan haiwan yang menjadi makanan kesukaan mereka. Contohnya, adalah sangat tidak santun menggelar “*Cina babi*”, “*Melayu lembu*”, “*India kambing*”, dan “*Arab unta*” yang pasti bakal mengundang pertelingkahan antara kaum jika tidak dibendung, khususnya bagi negara yang mempunyai penduduk berbilang kaum seperti di Malaysia.

Selain itu, haiwan “*lembu*” berada pada kedudukan kedua tertinggi, iaitu sebanyak 19 kali dalam dapatan blog politik. “*Lembu*” digambarkan sebagai haiwan yang bodoh dan sering membawa bebanan yang berat serta melakukan kerja berat tanpa melawan. Antara peribahasa Melayu memperkatakan hal berkaitan lembu ialah “*Laksana lembu kasi; galak sahaja tidak melawan*” yang membawa maksud orang yang besar tubuhnya tetapi penakut. Terdapat juga peribahasa “*Umpama lembu dogol, tak dapat menanduk hanya menyondol*” yang bermaksud melawan atau bekerja bersungguh-sungguh tanpa sesuatu syarat.

Manakala haiwan “*anjing*” berada pada kedudukan ketiga dalam kategori ini, iaitu sebanyak 13 kali dalam blog politik. “*Anjing*” dikiaskan sebagai haiwan yang sangat setia melakukan tugas yang diarah oleh tuannya walaupun berkaitan perkara yang jahat. Manakala dalam Islam, anjing berada dalam kelompok yang sama dengan babi, yakni tergolong dalam kumpulan najis Mughallazah, iaitu najis yang berat. Dalam peribahasa Melayu, anjing digambarkan sebagai haiwan yang jahat dan suka makan makanan yang kotor. Contoh peribahasa berkaitan “*anjing*” ialah “*Anjing dengan tahi, tidak makan atau menjilat, tapi mencium ada juga*” yang bermaksud orang yang biasa berbuat jahat sekali sekala teringat dan akan mengulangnya juga. Selain itu, “*Peribahasa anjing diberi makan nasi takkan kenyang*” yang bermaksud sia-sia memberikan nasihat baik kepada orang yang jahat. Peribahasa lain yang berkaitan “*anjing*” ialah “*Anjing itu, meskipun dirantai dengan rantai emas, nescaya berulang-ulang jua ia ke tempat najis*” yang bermaksud orang yang jahat, walaupun diberi kesenangan, namun kalau mendapat kesempatan akan diulang juga kejahatannya.

Dapatan kajian juga menyatakan bahawa terdapat haiwan lain yang disamakan dengan manusia, iaitu “*keldai*” yang merupakan simbol kebodohan; “*keras*” yang menonjolkan sifat tidak tahu menghargai sesuatu, resah gelisah, dan tidak tahu bergaul dengan orang ramai. Manakala “*sotong*” pula digambarkan sebagai sifat orang yang penakut dan mempunyai watak seperti pondan.

Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa makhluk yang tidak baik seperti “*hantu raya*”, “*syaitan*”, “*puaka*”, “*kelembai*”, “*iblis*”, “*jembalang*” dan lain-lain telah disamakan dengan manusia dalam blog politik. Hal ini seharusnya tidak berlaku disebabkan makhluk tersebut merupakan musuh yang sentiasa menyesatkan kehidupan manusia telah digunakan untuk menggelar sesama manusia. Dalam konteks Islam, “*syaitan*” merupakan makhluk yang perlu dimusuhi disebabkan sifatnya sentiasa berusaha untuk menjadikan manusia sentiasa lalai dan sesat serta melakukan kejahatan di muka bumi ini. Hal ini terkandung dalam surah al-Baqarah 2:168 yang bermaksud:

“... dan janganlah kamu mengikuti langkah-langkah syaitan kerana sesungguhnya syaitan itu adalah musuh yang nyata bagimu.”

Selain itu, perkataan “*hantu*”, “*puaka*”, “*iblis*”, “*syaitan*”, “*jembalang*” dikelompokkan sebagai “makhluk halus” yang berada di alam ghaib merupakan ungkapan tabu ataupun pantang larang yang tidak boleh disebut sewenang-wenangnya oleh masyarakat Melayu. Hal ini berlaku sejak zaman orang Melayu mengamalkan amalan animisme lagi, dan sehingga kini kewujudan makhluk tersebut masih dipercayai. Oleh demikian, adalah tidak wajar makhluk halus ini disebut atau diseru secara langsung, terutamanya pada waktu malam, apatah lagi digunakan untuk memaki dan menghina sesama manusia di dunia nyata ini. Contohnya, orang Melayu tidak memanggil anak mereka sebagai anak “*hantu*”, “*iblis*”, “*jembalang*” dan “*syaitan*” apabila anak mereka melakukan kesalahan atau agak nakal, sebaliknya mereka memanggil anak mereka sebagai “*anak bertuah*” disebabkan perkataan tersebut sangat pantang dalam kehidupan masyarakat Melayu.

iv. Anggota Badan dan Hasil daripada Badan Manusia

Penyelidikan ini juga mendapati bahawa blog politik telah menjadikan anggota badan manusia dan hasil daripada badan manusia dengan kekerapan 38 ataupun 6.9% digunakan untuk menghina dan memaki pihak yang tidak bersetuju dengan fahaman politik mereka. Dapatan juga mendapati bahawa makian yang digunakan dalam kategori ini paling banyak makian yang melibatkan bahagian anggota sulit manusia. Kata makian yang melibatkan alat sulit lelaki dan wanita digunakan secara terbuka dan sewenang-wenangnya dalam blog politik untuk memaki manusia lain. Hal ini amat membimbangkan disebabkan kata makian tersebut merupakan kata kasar yang berada pada kedudukan yang amat tinggi tahap kekasarannya kepada manusia. Malahan kata makian tersebut merupakan perkataan mencarut, yakni penggunaan kata yang amat keji dan kotor (cabul) yang digunakan kepada manusia lain.

Penggunaan kata sedemikian juga boleh menimbulkan perbalahan dengan amat cepat disebabkan perkataan carut, terutamanya yang melibatkan ibu, iaitu “*pukimak*” merupakan kata yang amat mencabar maruah seseorang manusia dan keluarga mereka yang telah dimaki. Malahan kemarahan akan lebih memuncak jika makian tersebut ditujukan kepada seseorang yang telah kematian ibunya atau bapanya. Hal ini sewajarnya tidak berlaku disebabkan Tuhan telah mencipta anggota tubuh manusia dengan sempurna untuk

dimanfaatkan, malahan terdapat anggota yang merupakan lambang maruah manusia, yakni anggota sulit yang sentiasa dipelihara serta tidak boleh disebut sesuka hati.

Tambahan pula, dapatan ini amat membimbangkan, iaitu jika perkataan mencarut tersebut digunakan oleh masyarakat, terutamanya golongan kanak-kanak yang tidak tahu maksud sebenar perkataan tersebut. Tindakan ini boleh menimbulkan kesan buruk jika perkataan tersebut digunakan, terutamanya di sekolah yang melibatkan para guru dan rakan persekolahan mereka. Malahan terdapat ibu bapa yang begitu bijak dengan tidak menyebut alat sulit tersebut secara terbuka kepada kanak-kanak disebabkan terlalu malu dan tidak mahu perkataan tersebut digunakan oleh kanak-kanak. Contohnya, terdapat ibu bapa yang menyebut alat sulit kanak-kanak lelaki sebagai “*siput*” dan menyebut alat sulit kanak-kanak perempuan sebagai “*bunga*” ketika dalam perbualan dengan anak mereka. Malahan disebabkan asuhan tersebut sehinggakan terdapat individu yang sehingga dewasa masih berasa tidak tergamak menyebut perkataan melibatkan alat sulit manusia dan masih menggunakan perkataan “*siput*” dan “*bunga*” bagi merujuk alat sulit manusia dalam komunikasi walaupun mereka sudah dewasa.

Permusuhan dan pergaduhan yang disebabkan kelancangan mulut dengan perbuatan mencarut ini bersesuaian dengan peribahasa “*Sebab pulut santan binasa, sebab mulut badan binasa*” yang bermaksud percakapan yang kasar kerap kali mencelakakan diri sendiri. Selain itu, terdapat juga peribahasa yang melibatkan bahana mulut ialah “*Sebab mulut leher terjerat*” yang bermaksud kecelakaan yang timbul dalam kehidupan seseorang disebabkan percakapan ataupun melalui lidahnya.

v. Sifat dan Kelakuan Manusia

Dapatan kajian menunjukkan bahawa penggunaan perkataan tidak santun dalam blog politik paling kerap dalam kategori sifat dan kelakuan manusia dengan kekerapan 226 ataupun 41%. Perkataan yang menggambarkan sifat tahap pemikiran manusia yang rendah paling kerap digunakan, iaitu “*bodoh*” sebanyak 56 kali, “*bangang*” 13 kali, “*dungu*” sebanyak 9 kali, “*bebal*” sebanyak tiga kali, “*bingai*”, “*bengap*”, “*jahil*” sebanyak dua kali, dan “*tolol*” dan “*tonggong*” masing-masing sekali yang membawa kepada jumlah keseluruhan sebanyak 89 kali ataupun 16.2% daripada keseluruhan perkataan tidak santun.

Manakala perkataan “*mampus*” sebanyak 20 kali dan “*celaka*” sebanyak 14 kali digunakan dalam blog politik bagi kategori ini. Bagi perkataan “*mampus*” sama sekali tidak boleh digunakan kepada sesama manusia tidak kira manusia itu Islam atau bukan Islam yang sepatutnya digunakan sebagai “meninggal dunia” dan “pulang ke rahmatullah” bagi orang Islam yang telah meninggal dunia. Selain itu, perkataan “*mampus*” juga tidak sesuai digunakan kepada haiwan disebabkan perkataan “*mati*” lebih sesuai dan sopan digunakan berbanding dengan perkataan “*mampus*”. Oleh yang demikian, kepada haiwan perkataan “*mampus*” tidak wajar digunakan apatah lagi digunakan kepada manusia yang mempunyai kedudukan yang perlu dihormati, walaupun mereka telah meninggal dunia.

Selain itu, terdapat juga kata makian yang amat hina dan pantang bagi masyarakat Melayu, khususnya yang berkaitan keturunan mereka, iaitu perkataan “*haram jadah*” dengan kekerapan sebanyak 10 kali yang bermaksud anak yang lahir tidak daripada perkahwinan yang sah. Pada pandangan penyelidik, perkataan makian ini setaraf dengan

kata makian “*pukimak*” yang boleh meningkatkan tahap kemarahan orang Melayu dengan cepat jika dimaki sedemikian. Hal ini disebabkan adalah tidak wajar memanggil anak yang sah dari segi agama dan perundangan sebagai anak tidak sah taraf sesuka hati, khususnya dalam blog politik.

Terdapat juga dapatan kajian ini yang menunjukkan penghinaan terhadap martabat kaum wanita dalam blog politik apabila perkataan “*betina*” sebanyak 6 kali dan “*sundal*” digunakan sebanyak 5 kali untuk menghina martabat wanita semata-mata atas perbezaan politik. Gelaran “*betina*” dan “*sundal*” tersebut amat menghiris perasaan wanita dan keluarga mereka yang dipanggil dengan perkataan tersebut. Tambahan pula, jika gelaran tersebut diberikan kepada ibu, isteri, kakak, dan adik perempuan kita, sudah pasti akan mengundang kemarahan atas penghinaan tersebut.

Bagi dunia politik pemimpin dan pengikut atau penyokong tidak boleh dipisahkan ibarat irama dan lagu. Pemimpin politik sentiasa berusaha untuk meningkatkan bilangan pengikut yang menyokong perjuangan mereka, malahan menyokong “batang tubuh” mereka sendiri sebagai pemimpin politik yang hebat. Bagi pemimpin yang berkarisma dan hebat, hal ini amat mudah bagi mereka. Namun, bagi pemimpin yang agak “lemah” mereka terpaksa memberikan upah ataupun ganjaran untuk mendapatkan pengikut yang setia. Oleh demikian, kedua-dua belah pihak kerajaan dan pihak pembangkang dengan saling menggelar pengikut masing-masing dengan perkataan yang tidak santun untuk tujuan menghina atas perbuatan mereka. Dapatan menunjukkan bahawa perkataan seperti “*balaci*”, “*cai*”, “*macai*”, dan “*pencacai/pecacai*” telah digunakan sebanyak 21 kali ataupun 3.9% dalam blog politik yang dikaji. Malahan terdapat aliran yang begitu membimbangkan apabila perkataan tersebut juga pada masa ini digunakan secara meluas dan sewenang-wenangnya oleh masyarakat umum untuk menggelar golongan pekerja bawahan dalam sesebuah organisasi, di samping penggunaan meluas dalam kalangan golongan muda.

vi. Penyamaan Manusia dengan Benda/Objek

Hasil kajian juga menunjukkan bahawa terdapat penggunaan perkataan tidak santun termasuk dalam kategori benda ataupun barang dengan kekerapan 53 ataupun 9.7%. Perkataan “*kayu*”, “*hampas*”, “*bangkai*”, dan “*dedak*” telah digunakan untuk memaki ataupun menyindir pihak yang tidak bersetuju dengan fahaman politik kumpulan tertentu. Dalam konteks penyelidikan ini, terdapat kecenderungan penggunaan perkataan yang paling baharu dan popular dalam dunia politik di Malaysia, iaitu “*dedak*” yang digunakan sebanyak 31 kali kekerapan dalam blog yang dikaji. Sebelum ini, dedak hanya digunakan dalam konteks memberikan makan kepada haiwan seperti ayam, itik, angsa dan lain-lain. Malahan, terdapat juga peribahasa yang menunjukkan bahawa “*dedak*” ini merupakan makanan hantu seperti dalam peribahasa “*Bagai hantu makan dedak*” yang bermaksud perbuatan bersungut-sungut dengan tiada tentu sebabnya. Namun, dalam konteks politik terkini, “*dedak*” telah dikiasikan kepada imbuhan, rasuah, upah yang diberikan kepada pihak tertentu yang melakukan kerja ataupun menyokong pihak yang memberikan imbuhan kepada mereka sama ada untuk pihak kerajaan ataupun pihak pembangkang. Penggunaan perkataan ini tidak wajar disebabkan martabat manusia akan jatuh pada tahap haiwan

ataupun hantu walaupun jika mereka mendapat imbuhan atau upah atas kerja yang tidak melanggar undang-undang dan prinsip moral yang diperoleh mereka daripada “tuan politik.”

Malahan rakyat yang mendapat bantuan daripada pihak kerajaan melalui BRIM dan subsidi lain, akan berasa terhina disebabkan segala bantuan yang diberikan oleh pihak kerajaan dikiaskan sebagai “*dedak*” oleh pihak tertentu. Tindakan ini tidak tepat, disebabkan segala bantuan kerajaan kepada rakyat sebenarnya merupakan tanggungjawab pemerintah dan sewajarnya pemberian tersebut bukan satu penghinaan kepada pihak yang menerima bantuan tersebut.

Selain itu, penyelidikan ini juga mendapati bahawa perkataan “*bangkai*” digunakan dengan kerap, iaitu 16 kali untuk memaki dan mencaci individu dan institusi yang digambarkan tidak berguna serta sangat hina dalam blog politik. Hal ini sepatutnya tidak berlaku disebabkan dari segi maksud leksikal *bangkai* membawa maksud tubuh haiwan yang sudah mati. Oleh demikian, adalah tidak wajar menggelar manusia yang masih hidup digelar sebagai “*bangkai*” disebabkan penghinaan tersebut akan menjatuhkan martabat keinsanan seseorang manusia. Tindakan tersebut juga menunjukkan bahawa manusia yang digelar panggilan “*bangkai*” telah diisytiharkan “mati” oleh pihak yang memanggilnya walaupun pada hakikatnya manusia tersebut masih hidup dan memainkan peranan dalam dunia ini.

vii. Keagamaan dan Perkauman

Kajian kesantunan dalam blog politik juga mendapati bahawa penggunaan secara meluas perkataan tidak santun yang melibatkan kategori keagamaan dan perkauman dalam kalangan rakyat Malaysia, iaitu dengan kekerapan 68 ataupun 12.3%. Hal ini pada pandangan penyelidik merupakan perkara yang amat “mengerikan” bagi negara seperti Malaysia yang mempunyai masyarakat pelbagai kaum dan agama. Pada pandangan penyelidik, isu berkaitan keagamaan dan perkauman merupakan isu yang paling ampuh dan paling “seronok” digunakan oleh pelaku politik untuk mencapai kemenangan dalam mendapatkan kuasa politik dalam negara. Hal ini disebabkan semua bangsa di dunia ini amat sayang terhadap agama dan kepercayaan bangsa mereka, dan sentiasa menyokong segala tuntutan untuk memperkasakan agama dan bangsa mereka sehingga sanggup mencela dan mempersenda agama dan bangsa lain. Mereka yang menggunakan isu tersebut telah memperlekeh, menyindir, menghina, malah memijak maruah bangsa lain melalui perkataan yang tidak santun yang digunakan sewenang-wenangnya dengan penuh kebanggaan, terutamanya dalam blog politik. Malah kadangkala mereka yang menggunakan isu ini merasakan bahawa mereka telah menjadi “wira bangsa” dan perlu mendapat ganjaran sewajarnya atas perbuatan mereka.

Dalam kajian ini terdapat dua konteks utama penggunaan perkataan tidak santun dalam kategori ini, yakni ketidaksantunan yang melibatkan sesama bangsa dan agama, iaitu (Melayu Islam dengan Melayu Islam) dan yang kedua ketidaksantunan bahasa yang melibatkan bangsa dan agama lain.

Perkataan tidak santun seperti “*kafir*”, “*kapiaq*”, “*laknat*”, dan “*murtad*” juga digunakan dengan melibatkan sesama bangsa dan agama sendiri, iaitu Melayu Islam. Orang Melayu Islam telah dituduh dengan hukum yang amat berat dalam agama Islam, iaitu “*kafir*”, “*laknat*” dan “*murtad*” hanya semata-mata disebabkan berbalah dalam politik dan tidak menyokong ideologi pihak tertentu. Hal ini sangat ditegah oleh agama disebabkan hal menentukan seseorang Islam atau institusi sebagai kafir, laknat dan murtad bukan boleh dilakukan sewenang-wenangnya tanpa bukti yang kukuh, apatah lagi hanya dilakukan oleh individu yang terlibat dalam pertelingkahan politik dalam alam maya.

Gejala negatif ini perlu dibendung untuk mengelakkan berlaku perpecahan malahan pergaduhan dalam kalangan sesama agama dan bangsa seperti di negara Islam lain seperti di Mesir, Iraq, Tunisia, Syria dan lain lagi hanya disebabkan perbezaan fahaman politik dan pemahaman dalam agama. Hakikatnya, sebagai manusia biasa, kita tidak sewajarnya bertindak sebagai terlalu “suci” dengan menghina orang Islam lain dengan tuduhan sebegitu berat semata-mata untuk mendapatkan kuasa politik. Hal ini seperti terdapat dalam surah an-Najm 53:32 yang bermaksud “... *Maka janganlah kamu menganggap dirimu suci. Dia mengetahui tentang orang yang bertakwa*”.

Selain itu, terdapat juga penghinaan melalui perkataan tidak santun kepada bangsa dan agama lain di negara ini. Hasil penyelidikan, terdapat pelanggaran perkara sensitif yang agak kerap digunakan dalam blog politik, iaitu memberikan persamaan YAB Lim Guan Eng, Ketua Menteri Pulau Pinang setaraf dengan “*tokong*”. Perkataan “*tokong*” mempunyai dua maksud dari segi leksikal, iaitu sebagai tempat ibadat bagi penganut agama Buddha dan maksud kedua merujuk sebagai patung atau gambar yang dipuja-puja dalam sesebuah rumah berhal. Penggunaan perkataan ini sememangnya sangat tidak beradab, yakni mempersendakan kepercayaan kaum lain semata-mata atas faktor dendam politik dan sikap tidak tahu menghormati kemenangan sesuatu pihak.

Selain itu, terdapat juga “kisah lama” diungkit kembali pada generasi kini dalam blog politik apabila perkataan “*tongsan*” yang secara leksikal bermaksud sejenis ikan darat dari negara China. Perkataan tersebut selalu digunakan untuk menyindir kepada kaum Cina supaya pulang ke tanah besar China jika berlaku sesuatu isu dalam negara. Hal ini tidak boleh dibiarkan disebabkan “kisah lama” tersebut amat menghiris hati kaum Cina disebabkan mereka telah menjadi warganegara Malaysia yang sah dan telah menumpahkan taat setia kepada pemerintah negara ini. Selain itu, kaum Cina telah memberikan sumbangan yang besar kepada pembangunan ekonomi negara bersama-sama kaum lain.

KESIMPULAN

Seharusnya kesantunan bahasa perlulah menjadi amalan dan pegangan dalam kalangan rakyat Malaysia, khususnya dalam bidang politik. Gejala memaki hamun dalam kalangan rakyat Malaysia sewajarnya tidak berlaku dalam negara yang sedang menuju menjadi negara maju pada 2020. Sepatutnya politik dijadikan wahana untuk memperkasakan kehidupan masyarakat dari segi sosioekonomi bukan melahirkan masyarakat yang saling bermusuhan dan dijadikan medan berlakunya “undang-undang rimba” yang hanya disebabkan oleh perbezaan ideologi dan fahaman politik. Rakyat seharusnya diberikan

keselesaian dalam seluruh aspek kehidupan mereka seperti memiliki pekerjaan yang mempunyai pendapatan tinggi, pemilikan rumah sendiri, jaringan keselamatan sosial yang meluas dan kemudahan pendidikan bertaraf dunia. Rakyat tidak wajar dijadikan “umpan” demi kepentingan politik pihak tertentu untuk “merampas” dan mengekalkan kuasa politik dalam genggaman mereka.

BIBLIOGRAFI

- Abdul Rahman Embong (2014). *Sastera, Politik dan Masyarakat*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar.(2002). *Setia dan Santun Bahasa*, Tanjong Malim : Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Asmah Haji Omar.(1996). *Wacana Perbincangan, Perbahasan dan Perundingan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar.(2007). *Kesantunan Bahasa dalam Pengurusan Pentadbiran dan Media*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Sariyan (2007). *Santun Berbahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Habibah Elias, Noran Fauziah Yaakub (2006). *Psikologi Personaliti*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hashim Haji Musa. (2008). *Hati Budi Melayu*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia
- Jay, Timothy. (2000). *Why We Curse: A Neuro-Pscho- Social Theory of Speech*. Philadelphia/Amsterdam: John Benjamins
- Kamus Dewan Edisi Keempat*. (2015). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kassim Ahmad (peny.). (2008). *Hikayat Hang Tuah*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kuang Ching Hei, Maya Khemlani David, Lau Su Kia. (2013). “Piliteness of Front Counter Staff of Malaysian Private Hospital”. *GEMA*. 13 (1). Februari 2013
- Marlyna Maros, Mohammad Fadzeli Jaafar, Maslinda Yusof. (peny.). (2012). *Pinsip dan Aplikasi Kesantunan Berbahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Pinker, Steven. (2008). *The Stuff of Thought: Language as a Window into Human Nature*. London: Penguin.
- Rabayah Tahir dan Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2015). “Penanda Santun dalam Perbualan Kanak-Kanak Melayu”, Kertas kerja Seminar Antarabangsa Linguistik dan Pembudayaan Bahasa Melayu ke-19.
- Radiah Yusoff (2012). Satu Tinjauan terhadap Ungkapan Makian dan ke (tidak) santunan dalam Interaksi Internet”, dalam Marlyna Maros, dll (peny.). (2012). *Prinsip dan Aplikasi Kesantunan Berbahasa*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Radiman Haji Junaidi dan Zaitul Azma Zaiton Hamzah (2013). “Wacana Kepimpinan dalam Ucapan Abdullah Ahmad Badawi”. *Jurnal Bahasa*. Jilid 13 Bil. 1 Jun 2013. (ms 128-150).
- Rohaidah Haron (2015). *Pembinaan Identiti dalam Wacana Politik: Tumpuan terhadap Kata Ganti Nama Diri*. (SLiK 2015).
- Shellabear (1956), *Kitab Kiliran Budi*. Singapura : Di-Malaya Publishing House Limited.
- Tenas Effendy.(2006). *Tunjuk Ajar Melayu*. Yogyakarta: Balai Kajian dan Pengembangan Budaya Melayu
- Zaitul Azma Zainon Hamzah, Ahmad Fuad Mat Hassan dan Mohd Nur Hafizudin Md Adamna. (2011). “Kesopanan Bahasa dalam Kalangan Remaja Sekolah Menengah”. *Jurnal Bahasa*. Jilid 11 Bil. 2. Disember 2011. (321 – 337).